


Baca dan salin petikan di bawah.

PENGALAMAN DI KAMPUNG

Pada musim cuti sekolah yang lalu, Zafirah dan keluarga pulang ke kampung. Di kampung, Zafirah dapat menemani datuk ke dusunnya.

Ketika itu musim buah-buahan. Pelbagai jenis pokok buah-buahan yang datuk tanam. Zafirah membantu datuk memungut buah yang dikaitnya ke dalam raga. Antaranya buah rambutan, langsung dan dokong.

Zafirah berasa seronok dapat membantu datuk di kebunnya. Udara di kampung juga nyaman dan segar. Zafirah berasa seronok dan gembira berada di kampung.



Nama:

Kelas:

Jawab soalan di bawah.

1) Siapakah yang pulang ke kampung semasa cuti sekolah?

2) Ke manakah Zafirah menemani datuk?

3) Apakah yang dilakukan oleh Zafirah di kebun buah-buahan?

4) Apakah buah-buahan yang ditanam oleh datuk?

5) Bagaimanakah udara di kampung Zafirah?

6) Apakah perasaan Zafirah apabila berada di kampung?
